

Dr. M dijangka bangkitkan soal peranan baru BN

OM 5 JUL 2001
KUALA LUMPUR 4 Julai

— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka akan membangkitkan soal hala tuju dan peranan baru yang perlu digerakkan oleh Barisan Nasional (BN) untuk kesejahteraan rakyat dan negara dalam ucap utama pada Konvensyen BN Sabtu ini.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, ucap utama Pengerusi BN itu akan turut dibahaskan oleh kesemua presiden parti komponen BN.

Mohamed berkata, hasil konvensyen sehari yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), akan dibawa kepada Dewan Tertinggi BN untuk tindakan lanjut.

Para peserta konvensyen, katanya, akan terdiri daripada ahli-ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita parti-parti komponen, Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara dan anggota Dewan Undangan Negeri daripada BN.

Konvensyen yang dijangka dihadiri oleh 5,000 orang itu bertemakan "BN Tenggak Keutuhan Negara."

Menurut Mohamed, sempena konvensyen itu, BN juga akan melancarkan sebuah buku berjudul "Balancing Communal Rights" (Mengimbangkan Hak-Hak Antara Kaum) dan cakera padat video mengenai selok-belok gabungan itu.

"Ini kerana banyak sangat permintaan daripada pihak luar yang ingin mengetahui bagaimana BN berjaya menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini," katanya.

Mengulas mengenai penekanan judul buku tersebut, kata Mohamed, aspek itu akan menjadi tanggungjawab besar kepada BN selepas ini kerana masalah ketidakseimbangan hak antara kaum masih berlaku.

"Masalah ini bermula sejak krisis ekonomi 1997 lalu dengan adanya perkembangan globalisasi yang memungkinkan ketidakseimbangan ini kian meluas," katanya.